

# Sedia garis panduan kawalan vape

Oleh FAUZI SUHAIMI DAN SITI  
NURSYAKIRAH SAHARUDIN

utusanktn@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 23 JULAI

**K**ERAJAAN disarankan menyediakan garis panduan khas melibatkan penguatkuasaan dan pengawal seliaan penggunaan *vape* bagi memastikan perkara tersebut tidak disalahguna sesetengah pihak.

Presiden Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM), Syed

Azaudin Syed Ahamad berkata, garis panduan tersebut perlu memperincikan beberapa perkara penting termasuk mengharamkan penjualan rokok elektronik (e-rokok) kepada individu di bawah umur 18 tahun sekali gus mengehadkan kandungan nikotin pada kadar bawah enam miligram.

Tegasnya, DPVM meminta agar pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang menjual *vape* kepada individu di bawah umur sama ada secara dalam talian mahupun di

premis.

"DPVM telah mengadakan beberapa perbincangan bersama beberapa agensi kerajaan dan kementerian untuk membincangkan soal penguatkuasaan mandatori sepenuhnya pada tahun hadapan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

"Berdasarkan perbincangan dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna turut meminta agar satu garis panduan aktiviti pengeluaran, pengedaran dan peruncitan peranti yang dieluarkan pada 1 April 2018 masih

diguna pakai sehingga kini dan pihak mereka masih menggubal dan meminda akta-akta sedia ada bagi melaksanakan kawalan penguatkuasaan mandatori sepenuhnya pada tahun hadapan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Laporan khas *Mingguan Malaysia* Ahad lalu mendedahkan gejala menghisap *vape* dalam kalangan pelajar kian serius dan semalam Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail meminta agar

penjualan *vape* kepada pelajar perlu dihentikan bagi mencegah penularan dalam kalangan kanak-kanak.

Dalam pada itu, Syed Azaudin berkata, Perlembagaan DPVM turut menjelaskan setiap ahli perlu mematuhi garis panduan dan undang-undang yang dikeluarkan oleh kerajaan.

"Oleh itu, kami juga akan keluarkan pekeliling melarang semua peniaga *vape* menjual kepada semua individu di bawah umur," ujarnya.